

Rakyat Malaysia lebih gemar guna tunai

KUALA LUMPUR - Satu tinjauan seluruh dunia oleh Nielsen menunjukkan bahawa warga Malaysia adalah orang yang paling kurang yakin di dunia terhadap pembelian melalui internet dengan enam daripada 10 pengguna memilih tunai sebagai kaedah perbelanjaan harian mereka.

Ia disebabkan oleh kebimbangan tentang keselamatan siber yang membuatkan mereka teragak-agak atau tidak mahu membeli dalam talian dan menggunakan perincian kad pembayaran mereka melalui telefon pintar atau peranti tablet meskipun maklumat peribadi mereka dilindungi.

Berdasarkan Tinjauan Strategi Penjimatan dan Pelaburan seluruh dunia kendalian Nielsen meliputi 30,000 responden internet

di 60 negara, sebanyak 60 peratus pengguna Malaysia berkata, mereka lebih suka membayar dengan wang tunai berbanding kad kredit.

Ketua Perkhidmatan Kawangan Nielsen di Singapura dan Malaysia, Luca Griseri memberitahu, 20 peratus daripada rakyat di negara ini lebih suka menggunakan kad kredit, 14 peratus kad debit dan 2 peratus kad Prabayar.

Pilihan menggunakan tunai lebih tinggi lagi di Filipina (74 peratus), Thailand (68 peratus) dan Vietnam (61 peratus).

"Pada umumnya, pergantungan kepada tunai mempunyai perkaitan dengan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar yang lebih rendah dalam ekonomi-ekonomi membangun," kata Griseri dalam kenyataan di

sini semalam.

Pada masa ini, menurut beliau, ada banyak pilihan yang ada bagi pengguna Malaysia yang memilih untuk membayar tanpa tunai seperti teknologi tanpa sentuh.

"Bagaimanapun, penting difahami bentuk halangan dan sebab ramai pengguna di Malaysia memilih untuk menggunakan wang tunai berbanding kad kredit," katanya.

Berhubung kebimbangan tentang keselamatan siber, lebih separuh atau 55 peratus daripada responden Malaysia tidak mahu membeli-belah dalam talian dan usaha untuk mengurangkan pergantungan kepada tunai perlu melibatkan pelbagai pihak.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam

Malaysia (USIM), Mohamad Noorizuddin Nooh berkata, kebimbangan tentang keselamatan siber menyebabkan rakyat di negara ini lebih gemar membuat pembelian secara tunai berbanding pembelian atas talian.

Menurutnya, Malaysia terkenal sebagai antara pusat penipuan siber di rantau Asia dan berikutan itu, rakyat di negara ini enggan mengambil risiko kerana bimbang maklumat kad kredit mereka akan dimanipulasi ataupun berdepan risiko diceroboh.

Presiden Lembaga Pelindung dan Kebajikan Pengguna Malaysia, Prof. Datuk Seri Dr. Saharuddin Awang Yahya pula berpendapat, pembelian secara maya kurang digemari adalah disebabkan wujudnya perasaan curiga dalam kalangan pembeli.